

SOALAN LAZIM

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)
CERAIAN S.R. 4.1.2 DASAR BEKERJA DARI RUMAH**

DASAR BEKERJA DARI RUMAH

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|-------------|--|--|
| 1. | Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR? | <p>Ketua Jabatan adalah diwajibkan untuk mengarahkan pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan.</p> <p>Ketua Jabatan juga hendaklah menetapkan tugas yang bersesuaian dan memantau pelaksanaan tugas tersebut.</p> |
| 2. | Bilakah arahan BDR boleh dikeluarkan oleh Ketua Jabatan untuk pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR? | Arahan BDR boleh dikeluarkan oleh Ketua Jabatan sebaik sahaja tempoh Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan. |
| 3. | Berapa lamakah tempoh BDR yang layak bagi pegawai yang kematian suami atau isteri? | Tempoh pemberian BDR hendaklah yang bersesuaian dan tidak melebihi dua (2) minggu termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. |